

Rosmah Harap Pandu Puteri Terus Proaktif dalam Aktiviti Kemasyarakatan
Bernama
5 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor berharap Persatuan Pandu Puteri di seluruh negara terus mengorak langkah untuk memainkan peranan proaktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Beliau berkata Pandu Puteri perlu membuktikan bahawa persatuan itu sentiasa mendukung misi dan visi khidmat bakti kepada masyarakat melalui semangat kerjasama sebagai satu pasukan.

"Saya mempunyai kepercayaan penuh dengan adanya kerjasama dan sokongan erat semua pihak, anggota Pandu Puteri akan terus berkhidmat kepada masyarakat setempat kerana anggotanya semua serba boleh," kata Rosmah, sebagai Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis penutupan Program Pandu Puteri Turun Padang selama tiga hari anjuran Persatuan Pandu Puteri Institut Pendidikan Guru (IPG).

Katanya melalui budaya sukarelawan dalam Pandu Puteri, sikap bertanggungjawab, prihatin, peka, disiplin serta penyayang akan dapat disemai dalam diri anggota mudanya.

Rosmah juga mengingatkan anggota Pandu Puteri supaya bijak menyesuaikan diri mengikut keadaan persekitaran serta mempunyai semangat kekitaan selain sentiasa bersiap sedia membantu masyarakat.

"Hal ini pastinya akan mendukung aspirasi persatuan untuk menjadikan Pandu Puteri sebagai persatuan yang proaktif, efektif, berfikir di luar kotak dan sentiasa maju ke depan," katanya.

Menyentuh program turun padang anjuran IPG, beliau bangga dengan penyertaan siswa guru daripada 26 IPG seluruh negara dalam membantu sebanyak 80 murid orang Asli dan 40 penuntut sekolah bimbingan Jalinan Kasih.

Katanya program itu secara langsung dapat meningkatkan kesedaran peserta mengenai kepentingan ilmu dan kecemerlangan dalam kehidupan, selain siswa guru dapat mempelajari kemahiran bersosial dalam masyarakat.

"Keterlibatan Pandu Puteri untuk program ini sebenarnya bertepatan dengan tema Hari Peringatan Sedunia 2014 iaitu 'Education Opens for All Boys and Girl'.

"Oleh demikian, adalah menjadi harapan saya agar Pandu Puteri cawangan IPG akan terus merancang dan mengadakan aktiviti seumpama ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035767>